



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum mengambil keputusan untuk memohon Deposit Korporat Abadi. Sila pastikan Terma dan Syarat Am dan Perjanjian Wakalah Perbadanan TAIB juga dibaca. Dapatkan penjelasan dari pihak kami sekiranya terdapat mana-mana bahagian di dalam dokumen ini serta terma-termanya yang tidak difahami.

DEPOSIT KORPORAT ABADI

Maklumat dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 20hb Januari 2023

1. Apakah produk Deposit Korporat Abadi ini?

Deposit Korporat Abadi ialah akaun deposit bertempoh patuh Syara' yang fleksibel berdasarkan konsep Wakalah.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan adalah Wakalah. Di bawah konsep Wakalah, Perbadanan TAIB akan bertindak sebagai wakil kepada pelanggan untuk melaburkan wang deposit ke dalam pelaburan patuh Syara'.

Dalam konteks produk ini:

- Pelanggan melantik Perbadanan TAIB sebagai wakilnya untuk menguruskan dan menempatkan dananya di dalam pasaran wang. Perbadanan TAIB bersetuju dan menawarkan jangkaan kadar keuntungan daripada penempatan pasaran wang.
- Pelanggan memberikan dana dan arahan bagi penempatan pasaran wang. Pelanggan selaku pemilik dana akan menanggung semua risiko berkaitan dengan tindakan Perbadanan TAIB selaku wakilnya kecuali kerugian yang boleh dibuktikan bahawa ia adalah disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran kontrak oleh Perbadanan TAIB.
- Dana ditempatkan di dalam penempatan pasaran wang bagi satu tempoh masa tertentu berdasarkan tempoh tertentu Deposit Korporat Abadi.
- Pada tarikh matang, dana dikembalikan kepada Pelanggan dengan keuntungan. Sebarang keuntungan yang melebihi jangkaan keuntungan adalah insentif prestasi untuk Perbadanan TAIB.
- Sekiranya pengeluaran pra-matang dibuat oleh Pelanggan, deposit akan dikembalikan bersama keuntungan dengan kadar baru yang dipersetujui.

3. Siapakah yang boleh memohon produk ini?

- Kerajaan
- Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)
- Syarikat yang telah berdaftar di Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) atau Diperbadankan di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana institusi dibawah Kerajaan Brunei.



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

4. Apakah ciri-ciri produk ini?

- Produk deposit patuh Syara'
- Potensi mendapatkan pulangan keuntungan yang lebih tinggi daripada produk deposit biasa
- Akaun deposit bertempoh fleksibel

5. Berapakah deposit permulaan yang diperlukan?

Deposit minimum adalah B\$1,000,000.00

6. Berapa lamakah tempoh produk ini?

Tempoh produk ini adalah seperti berikut:

- Minimum 1 hari
- Maksimum 36 bulan

7. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang Pelanggan patut ketahui?

- Kadar keuntungan adalah berdasarkan jangkaan dan indikatif semata-mata
- Jangkaan kadar keuntungan akan dirunding semula sekiranya deposit dikeluarkan sebelum matang
- Pelanggan hendaklah mempunyai *Micro Current Account* atau *Corporate Current Account* untuk pemindahan dana ke Deposit Korporat Abadi dan pengagihan keuntungan


8. Apakah risiko utama yang berkaitan?

- Wang deposit pelanggan adalah tidak dijamin
- Tiada jaminan keuntungan pada tempoh matang
- Kadar keuntungan mungkin lebih rendah daripada kadar yang dijangkakan sekiranya deposit dikeluarkan sebelum matang

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK


9. Bagaimanakah pengiraan keuntungan?

Senario 1: Pada tempoh matang, hasil keuntungan lebih tinggi daripada yang dijangkakan



Jumlah Deposit	B\$10,000,000.00
Tempoh	100 Hari
Jangkaan Kadar Keuntungan	1.00%
Modal + Jangkaan keuntungan	B\$10,027,397.26

Senario 2: Pengeluaran pra-matang



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Jumlah Deposit	B\$10,000,000.00
Tempoh	100 Hari
Jangkaan Kadar Keuntungan	1.00%
Modal + Jangkaan keuntungan	B\$10,027,397.26
Pada Pengeluaran pra-matang:	
Tempoh	50 Hari
Kadar Keuntungan yang dipersetujui	0.50%
Modal + untung	B\$10,006,849.32

10. Apakah Fi yang perlu Pelanggan bayar?

- Pelanggan akan dikenakan kos dan perbelanjaan pentadbiran jika Pelanggan memohon pengeluaran pra-matang (*Early Payment Demand fee*)

11. Apakah yang perlu Pelanggan lakukan jika terdapat perubahan pada butiran penghubung pelanggan?

Untuk memastikan Pelanggan menerima surat menyurat dan makluman daripada Perbadanan TAIB, Pelanggan hendaklah memaklumkan Perbadanan TAIB secepatnya jika terdapat sebarang perubahan di dalam butiran maklumat yang diberikan kepada Perbadanan TAIB.

12. Di manakah pelanggan boleh mendapat bantuan?

- Bagi mendapatkan bantuan, pelanggan boleh menghubungi Pengurus Perhubungan atau melalui Pusat Perbankan Korporat di talian +673 2266191
- Pelanggan juga boleh mengunjungi cawangan Perbadanan TAIB atau menghubungi Pusat Panggilan Perbadanan TAIB di talian +673 2220299
- Jika langkah penyelesaian yang diberikan Perbadanan TAIB bagi pertanyaan atau aduan kurang memuaskan, pelanggan boleh menghubungi Isu Pengguna Kewangan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) melalui e-mel di fci@bdcdb.gov.bn atau datang terus ke alamat berikut:

Isu Pengguna Kewangan
 Brunei Darussalam Central Bank
 Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
 Commonwealth Drive
 Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam
 Tel: +673 2380007



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

13. Apakah Produk Deposit Bertempoh lain yang sedia ada?

- Corporate TAIB Deposit Certificate (TDC)
- Corporate Ar-Rizq

Terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah dibaca bersama dengan Jadual Tarif dan Fi TAIB, Terma dan Syarat Am dan Perjanjian Wakalah Perbadanan TAIB.

Bagi pihak Perbadanan TAIB, saya mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Pendedahan Produk ini kepada Pelanggan.	Saya/Kami mengesahkan bahawa Lembaran Pendedahan Produk ini telah dijelaskan kepada saya/kami, dan saya/kami memahami penjelasan yang diberikan serta bersetuju untuk membuka akaun Deposit Korporat Abadi yang berkonsepkan Wakalah mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Perbadanan TAIB.
Nama: Tarikh:	Nama: No. IC: Tarikh:
..... (Bagi pihak Perbadanan TAIB selaku wakil) (Tandatangan Pelanggan selaku muwakkil)